

ANALISIS MASA KETIBAAN DAN PELEPASAN TREN BAGI  
SISTEM TRANSIT ALIRAN RINGAN: KAJIAN KES LRT LALUAN AMPANG

SALNURAINI BINTI DAWAM @ TAWIL

Laporan disertasi ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat  
penganugerahan Ijazah Sarjana Sains Kejuruteraan Pengangkutan Rel

Pusat Pengajian Siswazah  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

JANUARI 2015

## ABSTRAK

Ketepatan ketibaan keretapi adalah elemen yang sangat penting dalam pengendalian perkhidmatan keretapi dan juga merupakan elemen utama yang dititikberatkan oleh pengguna dalam pemilihan menggunakan pengangkutan awam. Kelewatan ketibaan tren memberi impak secara langsung kepada penumpang di mana mereka perlu menunggu lebih lama dan menyebabkan kebolehpercayaan penumpang berkurang terhadap jadual tren yang disediakan oleh operator pengendali sistem transit serta menyebabkan aktiviti mereka terjejas. Kajian ini adalah mengkaji masa ketibaan dan pelepasan tren dari stesen bagi aliran transit ringan LRT laluan Ampang dan membandingkan dengan jadual sebenar yang ditetapkan oleh operator pengendali. Seterusnya mengkaji fungsi sistem isyarat di stesen dengan hubungkait jadual perjalanan tren. Di antara parameter mobiliti tren yang dicerap adalah nombor tren, masa ketibaan tren, masa berlepas tren, masa tren menunggu di platform dan *headway* (jarak di antara tren hadapan dengan tren belakang). Cerapan data diambil pada tiga fasa iaitu fasa pertama waktu puncak pagi, fasa kedua waktu tengahari dan fasa ketiga adalah waktu puncak petang. Cerapan dijalankan di beberapa stesen LRT dengan meliputi keseluruhan aliran laluan Ampang. Daripada kajian ini didapati korelasi antara masa ketibaan, masa tren menunggu, masa pelepasan dan *headway* mempunyai kaitan dengan ketepatan dan kelewatan ketibaan tren. Apabila jarak masa diantara ketibaan tren dengan masa pelepasan tren terlalu lama menyebabkan masa tren menunggu di platform adalah lama dan menyebabkan jarak masa ketibaan tren seterusnya menjadi lewat dan menyebabkan kelewatan tren berlaku. Sistem isyarat dalam operasi sistem transit adalah sangat penting kerana mempunyai hubungkait dengan ketibaan dan pelepasan tren. Apabila tren tiba lewat menunjukkan nilai negatif pada sistem isyarat di platform dan nilai positif apabila tren tiba tepat di platform.

## ABSTRACT

The punctuality time arrival of the railway is a very important element in the operation of a train service and also as a major element to the passenger in priority choosing to use public transport. When the train delay arrive it will give impact directly to passengers where they have to wait longer and cause reduced reliability of passenger trains on the schedule provided by the operators transit system. As well as causing their activity affected. This study is to investigate the punctuality time arrival and departure train from station for LRT Ampang line and compare with the actual schedule set provided by the operator. Next review correlation between function of signal system at the station with provided timetable. In this study the parameter that were observed are the number of mobility train, time train arrival and departure time, waiting time train at the platform and headway between train. In this research the observational data were collected in three phases: the first phase at the morning peak hour, the second phase at the afternoon and the third phase at the evening peak hour. The study carried out in several LRT stations to cover the entire overall LRT Ampang line. The study shows a correlation between the times of arrival train, waiting time train at the platform, departure time and headway has affected to the punctuality time arrival and train delays. When the time interval between time arrivals of a train with the departure time is too long it will cause waiting time of train at the platform is too long and causes the arrival time of the next train is delays. Signalling systems in operation transit system also has a correlation with the arrival and departure of trains. When the train arrive delay the signal system on the platform it will show negative values and it will show positive value when the train punctual arrive at the platform.

## KANDUNGAN

	<b>TAJUK</b>	<b>i</b>
	<b>PENGAKUAN</b>	<b>ii</b>
	<b>DEDIKASI</b>	<b>iii</b>
	<b>PENGHARGAAN</b>	<b>iv</b>
	<b>ABSTRAK</b>	<b>v</b>
	<b>KANDUNGAN</b>	<b>vii</b>
	<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>xi</b>
	<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>xii</b>
	<b>SENARAI SINGKATAN</b>	<b>xvi</b>
	<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	<b>xvii</b>
<b>BAB 1</b>	<b>Pengenalan</b>	<b>1</b>
	1.1 Pendahuluan	1
	1.2 Penyataan masalah	3
	1.3 Matlamat dan objektif kajian	4
	1.4 Skop kajian	4
	1.5 Kepentingan kajian	5
	1.6 Struktur laporan disertasi	6
<b>BAB 2</b>	<b>Kajian Literatur</b>	<b>8</b>
	2.1 Pendahuluan	8
	2.2 Terminologi dan definisi ketepatan dan kelewatan tren	9
	2.3 Pengukuran ketepatan dan kelewatan masa ketibaan tren	11

2.4	Kategori kelewatan masa perkhidmatan tren	13
2.4.1	Faktor kelewatan utama	14
2.4.2	Faktor kelewatan sekunder	15
2.5	Perspektif penumpang terhadap perkhidmatan tren di Malaysia	16
2.6	Sejarah perkembangan sistem isyarat	17
2.7	Jenis – jenis lampu isyarat	18
2.7.1	Isyarat mekanikal	19
2.7.2	Isyarat elektrik	19
2.8	Sistem isyarat dan komunikasi	20
2.8.1	<i>Axel counter</i>	20
2.8.2	<i>Track circuit</i>	21
2.9	Sistem blok	23
2.9.1	Blok automatik	23
2.9.2	Blok tetap “ <i>Fixed block</i> ”	24
2.9.3	Blok bergerak “ <i>Moving block</i> ”	25
2.10	Sistem isyarat yang digunakan dalam LRT laluan Ampang	26
2.11	<i>Passenger Information Display System (PIDS)</i>	28
2.12	Jenis – jenis pengangkutan rel transit di Malaysia	30
2.12.1	<i>Light Rail Transit (LRT)</i>	30
2.12.2	Monorel	31
2.12.3	Komuter	32
2.12.4	<i>Ekspress Rail Link (ERL)</i>	33
2.12.5	<i>Mass Rapid Transit (MRT)</i>	33
2.13	Ringkasan Bab	34
<b>BAB 3</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	<b>36</b>
3.1	Pendahuluan	36
3.2	Carta alir metodologi kajian	37
3.3	Kaedah kajian	38
3.4	Kaedah pelaksanaan kajian	38
3.4.1	Kajian fasa pertama	38

3.4.2	Kajian fasa kedua	39
3.5	Pemerhatian lokasi kajian	40
3.5.1	Pemilihan lokasi kajian	40
3.6	Lokasi kajian	41
3.7	Proses kajian mencerap data	45
3.8	Analisis fungsi sistem isyarat	47
3.8.1	Tinjauan di Pusat Kawalan	47
3.9	Ringkasan Bab	49
<b>BAB 4</b>	<b>ANALISIS DATA DAN KEPUTUSAN</b>	<b>50</b>
4.1	Pendahuluan	50
4.2	Pemerhatian di lokasi	50
4.3	Analisis data mobiliti tren : Ketepatan masa ketibaan, masa menunggu dan masa berlepas tren	51
4.4	Analisis ketepatan masa ketibaan tren	51
4.4.1	Laluan Ampang dan Sri Petaling ke Sentul Timur	52
4.5	Analisis masa tren menunggu di stesen	63
4.5.1	Laluan Ampang dan Sri Petaling ke Sentul Timur	63
4.6	Analisis kekerapan tren	75
4.6.1	Laluan Ampang dan Sri Petaling ke Sentul Timur	75
4.7	Korelasi parameter masa ketibaan, masa tren menunggu dan masa pelepasan tren	82
4.8	Analisis fungsi lampu isyarat dan hubungkait dengan jadual sistem perjalanan sistem LRT	84
4.8.1	<i>Count Down Display (CDD)</i>	85
4.9	Faktor – faktor kelewatan tren LRT	88
4.10	Ringkasan Bab	91

<b>BAB 5</b>	<b>KESIMPULAN DAN CADANGAN</b>	<b>92</b>
5.1	Pendahuluan	92
5.2	Kesimpulan	92
5.3	Cadangan kajian masa hadapan	93
	<b>RUJUKAN</b>	<b>95</b>
	<b>LAMPIRAN</b>	<b>99</b>

**SENARAI JADUAL**

2.1	Sumber kelewatan utama (Goverde Rob M.P., 2005)	15
2.2	Sumber kelewatan sekunder (Goverde Rob M.P., 2005)	16
2.3	Perbezaan antara CVKL <i>track circuit</i> dengan JADE <i>track circuit</i>	22
2.4	Mesej dari <i>Count Down Display</i> (CDD)	26
4.1	Peraturan keseluruhan masa ketibaan tren pada waktu pagi	55
4.2	Peraturan keseluruhan masa ketibaan tren pada waktu tengahari	59
4.3	Peraturan keseluruhan masa ketibaan tren pada waktu petang	62
4.4	Kelewatan subsistem yang mempunyai kaitan dengan sistem	90
4.5	Kelewatan subsistem yang tiada kaitan dengan sistem	90



## SENARAI RAJAH

1.1	Peta transit rel berintegrasi Lembah Klang	7
2.1	Ketibaan tren lewat kurang daripada 5 minit dari tahun 1999 - 2002. Data daripada (NEA 2003)	11
2.2	Pembahagian masa sebenar perjalanan. Saiz biasa relatif perjalanan asas (Nyström, Birre, 2008)	14
2.3	Isyarat tangan (Kichenside Geoffrey, 2013)	18
2.4	Pengawal sistem isyarat (Andy Lawrence, 2011)	18
2.5	Isyarat Semaphore	19
2.6	Lampu isyarat elektrik	20
2.7	Susun atur alatan <i>axle counter</i> (M.S.Durmus et, al. 2010)	21
2.8	Kedudukan <i>axle counter</i> di landasan keretapi	21
2.9	Kotak <i>Track Circuit</i>	22
2.10	Sambungan litar elektrik CVKL <i>track circuit</i>	22
2.11	Sambungan litar elektrik JADE <i>track circuit</i>	23
2.12	Sistem <i>fixed block</i> (Merah – Merah – Hijau)	25
2.13	<i>Moving block</i>	26
2.14	Struktur sistem PIDS	29
2.15	Lokasi dan paparan pada <i>Passenger Information Display System</i> (PIDS) LRT Ampang	29
2.16	Tren LRT laluan Kelana Jaya	31
2.17	Tren LRT laluan Ampang	31
2.18	<i>Rolling stock</i> KL Monorel	32
2.19	KTM Komuter 6 gerabak	32
2.20	Tren ERL	33
2.21	<i>Rolling stock</i> MRT	34
3.1	Carta alir kajian	37
3.2	Permit kerja	39

3.3	Rajah LRT laluan Ampang	41
3.4	Peta Stesen LRT Maluri	43
3.5	Peta stesen LRT Bandar Tun Razak	44
3.6	Peta stesen LRT Plaza Rakyat	45
3.7	Jam randik digital	46
3.8	Cerapan data di jalankan di stesen LRT	46
3.9	Kawalan operasi LRT pada paparan TAMSYS	47
3.10	CCO mengawal perjalanan tren di Pusat Kawalan	48
3.11	Penyelidik membuat pemerhatian di pusat kawalan operasi LRT	48
3.12	Keadaan di platform stesen Chan Sow Lin dari paparan kamera litar tertutup di Pusat Kawalan	49
4.1	Peratusan ketibaan tren pada waktu pagi Ampang ke Chan Sow Lin	54
4.2	Peratusan ketibaan tren pada waktu pagi Sri Petaling ke Chan Sow Lin	54
4.3	Peratusan ketibaan tren pada waktu pagi Chan Sow Lin ke Sentul Timur	55
4.4	Peratusan ketibaan tren pada waktu tengahari Ampang ke Chan Sow Lin	57
4.5	Peratusan ketibaan tren pada waktu tengahari Sri Petaling ke Chan Sow Lin	58
4.6	Peratusan ketibaan tren pada waktu tengahari Chan Sow Lin ke Sentul Timur	58
4.7	Peratusan ketibaan tren pada waktu petang Ampang ke Chan Sow Lin	61
4.8	Peratusan ketibaan tren pada waktu petang Sri Petaling ke Chan Sow Lin	61
4.9	Peratusan ketibaan pada waktu petang Chan Sow Lin ke Sentul Timur	62
4.10	Masa tren menunggu di stesen Maluri pada waktu pagi	64
4.11	Masa tren menunggu di stesen Bandar Tun Razak pada waktu pagi	65

4.12	Masa tren menunggu di stesen Plaza Rakyat pada waktu pagi	65
4.13	Graf masa tren menunggu di platform	66
4.14	Keadaan tren di platform sekitar pukul 8.00 pagi	66
4.15	Masa tren menunggu di stesen Maluri pada waktu tengahari	68
4.16	Masa tren menunggu di stesen Bandar Tun Razak pada waktu tengahari	68
4.17	Masa tren menunggu di stesen Plaza Rakyat pada waktu tengahari	69
4.18	Graf masa tren menunggu di platform	70
4.19	Masa tren menunggu di stesen Maluri pada waktu petang	72
4.20	Masa tren menunggu di stesen Bandar Tun Razak pada waktu petang	72
4.21	Masa tren menunggu di stesen Plaza Rakyat pada waktu petang	73
4.22	Masa tren menunggu di stesen pada waktu petang	74
4.23	<i>Mimic Panel</i>	74
4.24	Keadaan platform pada waktu petang	75
4.25	Masa kekerapan tren laluan Ampang ke Chan Sow Lin waktu pagi	76
4.26	Masa kekerapan tren laluan Sri Petaling ke Chan Sow Lin waktu pagi	77
4.27	Masa kekerapan tren laluan Chan Sow Lin ke Sentul Timur waktu pagi	77
4.28	Masa kekerapan tren laluan Ampang ke Chan Sow Lin waktu tengahari	78
4.29	Masa kekerapan tren laluan Sri Petaling ke Chan Sow Lin waktu tengahari	79
4.30	Masa kekerapan tren laluan Chan Sow Lin ke Sentul Timur waktu tengahari	79
4.31	Masa kekerapan tren laluan Ampang ke Chan Sow Lin waktu petang	80

4.32	Masa kekerapan tren laluan Sri Petaling ke Chan Sow Lin waktu petang	81
4.33	Masa kekerapan tren Chan Sow Lin ke Sentul Timur waktu petang	81
4.34	Masa kekerapan tren, <i>Headway</i>	83
4.35	Masa perjalanan tren laluan Ampang ke Chan Sow Lin	84
4.36	Konfigurasi CDD	86
4.37	CDD alatan luaran di hujung platform	86
4.38	Rajah skematik carta alir CDD menghantar dan menerima data	87

**SENARAI SINGKATAN**

CBTC	-	<i>Control Base Train Communication</i>
CCU	-	<i>Control Centre Unit</i>
CDD	-	<i>Count Down Display</i>
CTO	-	<i>Control Train Officer</i>
CVKL	-	<i>Constant Voltage Kuala Lumpur</i>
EQATS	-	<i>Engineering Quality Audit Technical Support</i>
ERL	-	Ekspress Rail Link
GPS	-	<i>Global Positioning System</i>
KLIA	-	Kuala Lumpur International Airport
KTM	-	Keretapi Tanah Melayu
KTMB	-	Keretapi Tanah Melayu Berhad
LCU	-	<i>Local Central Unit</i>
LRT	-	<i>Light Rail Transit</i>
MRT	-	<i>Mass Rapid Transit</i>
OCC	-	<i>Officer Control Centre</i>
PA	-	<i>Public Address</i>
PIDS	-	<i>Passenger Information Display System</i>
SPMB	-	Syarikat Prasarana Malaysia Berhad
TAMSY	-	<i>Traffic Management System</i>
TNMD	-	<i>Track and Maintenance Department</i>
TRA	-	<i>Taiwan Railway Administration</i>
WEES	-	<i>Way side, Electrical and Electronics, Signalling</i>

**SENARAI LAMPIRAN**

A	Borang cerapan	100
B	Data cerapan	101
C	Jadual perjalanan dan kekerapan tren LRT oleh pengendali	118
D	Jumlah keseluruhan penumpang tahunan RapidKL Rel	121
E	Peta laluan LRT Ampang terhadap masa sistem isyarat	123
F	Jadual masa perancangan sebenar laluan tren	125
G	Surat perlantikan <i>co-supervisor</i> dari LRT Ampang	146

# **BAB 1**

## **PENGENALAN**

### **1.1 Pendahuluan**

Keretapi atau tren adalah merupakan salah satu mod pengangkutan darat yang boleh membawa penumpang dengan kapasiti yang banyak dalam satu masa. Kewujudan sistem pengangkutan dalam sesebuah kawasan memudahkan pergerakan penduduk dari satu tempat ke tempat yang lain. Peredaran zaman membawa banyak perubahan dalam pengangkutan keretapi antaranya dari segi sistem untuk menggerakkan keretapi tersebut, struktur bahan binaan keretapi, kelajuan keretapi, sistem kawalan isyarat keretapi, dan membaik pulih keretapi. Kemajuan ini membawa evolusi kepada negara-negara maju seperti Jepun, China, Korea, Perancis dan German bersaing mencipta keretapi yang berteknologi canggih dengan kelajuan yang tinggi.

Pengangkutan keretapi di Malaysia telah lama wujud pada lewat kurun ke-19 ketika British memperkenalkannya di Tanah Melayu untuk kepentingan ekonomi mereka bagi mempercepatkan pengangkutan bijih timah dari kawasan perlombongan ke pelabuhan-pelabuhan di sepanjang pantai (<http://web.moe.gov.my>). Kepesatan pembangunan di era globalisasi ini Malaysia telah mengorak langkah dengan memperbaharui sistem pengangkutan keretapi Negara dengan mewujudkan pelbagai jenis sistem pengangkutan keretapi antaranya Keretapi Tanah Melayu (KTM) Komuter, *Light Rail Transit* (LRT), Monorel, *Ekpress Rail Link* (ERL), dan *Mass Rapid Transit* (MRT). Setiap sistem pengangkutan keretapi yang terdapat di Malaysia ini mempunyai jajaran yang berlainan seperti LRT dan Monorel lebih tertumpu di pusat bandaraya Kuala Lumpur.

KTM Komuter dan MRT mempunyai jajaran yang menghubungkan kawasan luar bandar dengan bandar. Manakala ERL adalah berbeza dengan sistem keretapi yang lain kerana ia merupakan sistem keretapi yang berkelajuan tinggi dan hanya menghubungkan pusat bandar dengan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA). Selain itu terdapat juga Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) yang bukan hanya membawa penumpang dengan menghubungkan bandar diantara bandar malah ia juga membawa ia juga membawa muatan kargo. Aliran transit semua sistem rel berintegrasi di Malaysia dapat dilihat dalam Rajah 1.1.

Kini, Malaysia semakin hampir menuju ke tahun 2020, tempoh yang telah ditetapkan untuk menjadi sebuah Negara maju dan berpendapatan tinggi. Pelbagai pelan transformasi Negara telah dirancang untuk menjadikan Malaysia setaraf dengan Negara serantau antaranya pelan meningkatkan pengangkutan awam di bandar. Penggunaan pengangkutan rel menyumbang kira-kira 40% daripada bilangan penumpang harian pengangkutan awam (pemandu). Sistem pengangkutan awam yang cekap sangat diperlukan dan penting di Malaysia yang kini semakin hampir untuk menjadi sebuah Negara berpendapatan tinggi. Kecekapan sistem pengangkutan rel adalah merujuk kepada jadual perjalanan dan ketepatan ketibaan masa keretapi tersebut di setiap stesen. Ketepatan masa jadual perjalanan keretapi merupakan elemen yang penting untuk menentukan tahap keberkesanan sesuatu sistem mengendalikan sistem pengangkutan rel.

“Ketepatan masa ketibaan tren adalah keutamaan bagi penumpang dan industri perlu terus fokus untuk memastikan bahawa tren berjalan pada masa yang ditetapkan. Bagi mendapatkan kepercayaan penumpang terus mempercayai jadual waktu yang dijadualkan” (Anthony Smith, Ketua Eksekutif Fokus Penumpang Eropah). Ketepatan ketibaan masa kereta api merupakan satu ciri penting dalam perkhidmatan mod pengangkutan awam di seluruh negara.

Sistem isyarat dan komunikasi adalah sangat penting dalam mengawal pergerakan perjalanan keretapi menjadi lebih lancar dan sistemik. Tujuan sistem isyarat dan komunikasi dalam jaringan rel adalah untuk mengawal kereta api dengan cara yang selamat bagi keadaan-keadaan di hadapan dan mengekalkan keadaan kereta api dalam jarak yang selamat kepada mana-mana kereta api hadapan atau buntu di hadapan (Bonnett dan Clifford F, 2011). Tambahan lagi untuk mengelakkan penetapan pergerakan yang bercanggah dengan *right of way* iaitu yang bermaksud hak laluan. Sistem isyarat dan sistem kawalan perlu mempunyai keselamatan dalam



perlaksanaan sistem rel kerana ia memberi impak yang ketara terhadap operasi kereta api.

Kegagalan sistem isyarat dan komunikasi akan memberi impak yang besar dalam pengendalian operasi rel antaranya menyumbang kepada kemalangan yang boleh meragut nyawa para penumpang. Antaranya kemalangan yang dicatatkan yang berlaku di Malaysia pada 25 September 2008, dilaporkan sekurang-kurangnya 300 orang penumpang mengalami kecederaan yang serius dalam kemalangan yang melibatkan LRT laluan Sri Petaling. Kemalangan berlaku apabila sebuah tren dari Sungai Besi berhenti secara tiba-tiba 200 meter daripada stesen sebelum dilanggar oleh tren yang datang dari arah belakang (The Star, news). Punca kemalangan dilaporkan adalah disebabkan sistem isyarat mengalami masalah pada ketika itu. Rentetan kejadian itu menyebabkan perkhidmatan tren pada hari tersebut mengalami gangguan dan kelewatan masa. Insiden ini menunjukkan sistem isyarat dan komunikasi sangat penting dalam perkhidmatan jaringan rel.

Kajian ini adalah mengenai ketepatan serta kelewatan masa perkhidmatan bagi sistem pengangkutan rel terhadap sistem isyarat. Kajian ini dijalankan untuk menganalisis terhadap masa ketibaan, masa menunggu dan masa pelepasan tren dari stesen. Kajian ini adalah penting untuk menambahkan mutu perkhidmatan jaringan industri rel di negara Malaysia.

## **1.2    Penyataan masalah**

Ketepatan masa perjalanan tren mengikut jadual yang disediakan oleh pihak operator adalah sangat penting bagi penumpang dan ia merupakan elemen utama dalam pengukuran tahap keberkesanan perkhidmatan. Perkhidmatan rel yang tidak mengikut jadual perjalanan akan sering mengakibatkan kelewatan masa ketibaan tren dan pembatalan perjalanan tren yang kerap, hal ini akan memberi impak negatif kepada pengguna. Oleh demikian, ini menyebabkan penumpang sukar merancang perjalanan mereka dan aktiviti kehidupan seharian penumpang terganggu disebabkan pengangkutan rel yang tidak teratur dan tidak cekap. Oleh itu, kajian mengenai ketepatan masa adalah amat penting dalam usaha menyediakan perkhidmatan rel dengan sistem yang efektif dan efisien. Apabila sistem isyarat dan komunikasi mengalami masalah ia akan menyebabkan jadual perjalanan terganggu dan keretapi

tidak dapat sampai tepat pada waktu yang ditetapkan. Seterusnya menyebabkan waktu menunggu pengguna menjadi lebih lama dan keadaan di stesen akan menjadi padat dengan orang ramai terutamanya ketika waktu puncak. Keadaan ini menyebabkan kualiti perkhidmatan pengangkutan rel menjadi kurang memuaskan dan menyebabkan orang ramai kurang menggunakan perkhidmatan pengangkutan rel sebagai pengangkutan yang utama di Malaysia.

### **1.3 Matlamat dan objektif kajian**

Matlamat kajian ini adalah untuk menganalisis sistem isyarat terhadap ketepatan masa dan kelewatan masa perjalanan sistem pengangkutan rel yang berbeza yang terdapat di Malaysia. Di antara objektif kajian ini adalah:

- a) Untuk mengkaji dan menganalisis ketepatan masa ketibaan tren, masa menunggu dan masa berlepas daripada stesen bagi sistem LRT laluan Ampang.
- b) Untuk melaksanakan perbandingan dan analisis masa perkhidmatan tren sebenar dengan jadual yang telah ditetapkan oleh pihak pengendalian operator.
- c) Untuk mengkaji dan menganalisis fungsi sistem isyarat di stesen dan hubungkait dengan jadual perjalanan sistem pengangkutan rel yang dikaji.

### **1.4 Skop kajian**

Kajian penyelidikan ini memfokus kepada menentukan tahap ketepatan masa ketibaan tren di stesen bagi LRT aliran Ampang. Elemen utama yang dikaji dalam kajian ini ialah masa yang diambil bagi sesebuah tren sampai di stesen berdasarkan jarak masa antara tren dalam jadual frekuensi tren yang ditetapkan oleh operator pengendali seperti di Lampiran. Seterusnya masa tren menunggu di stesen iaitu masa yang diambil oleh sesebuah tren bagi menurunkan dan mengambil penumpang di platform. Kaedah cerapan data adalah dengan menggunakan kaedah cerapan data sebenar di beberapa stesen LRT aliran Ampang yang merangkumi semua jajaran LRT aliran Ampang iaitu laluan Ampang ke Chan Sow Lin, Sri Petaling ke Chan

Sow Lin dan Chan Sow Lin ke Sentul Timur. Waktu cerapan data dijalankan adalah pada waktu puncak pagi dan petang serta pada waktu biasa tengahari. Kajian ini adalah untuk membandingkan dan menganalisis mengenai masa perkhidmatan tren LRT aliran Ampang terhadap jadual perjalanan tren yang telah ditetapkan oleh pihak pengendalian operator. Selain daripada itu, diakhir kajian ini korelasi di antara ketepatan masa ketibaan tren, masa tren menunggu dan kekerapan waktu ketibaan tren, masa operasi perkhidmatan LRT dapat dinilai tahap keberkesanan perkhidmatan berdasarkan peratusan ketepatan dan kelewatan ketibaan tren.

### **1.5 Kepentingan kajian**

Kajian ini menyumbang kepada pengetahuan secara umum terhadap kejuruteraan kereta api. Tujuan kajian akademik ini adalah untuk mendapatkan pemahaman yang lebih baik daripada perspektif tentang ketepatan masa tren. Kajian terhadap sistem isyarat dan komunikasi adalah penting kerana ia berkait rapat dengan keselamatan dan ketepatan masa ketibaan sesebuah tren. Ia juga boleh membantu meningkatkan keberkesanan tahap perkhidmatan “*servis*” yang disediakan kepada pengguna tren di negara ini. Di samping itu, pengwujudan sistem tren yang efektif dan efisien mampu mewujudkan produktiviti dan menyumbang kepada pemangkin negara.

### **1.6 Struktur laporan disertasi**

Tesis ini mengandungi 5 bab utama. Ia membentangkan perkara yang perlu ada dalam sesebuah kajian dengan meliputi pendahuluan, kajian literatur, metodologi kajian, keputusan dan analisis data, serta kesimpulan dan cadangan. Bagi Bab 1 adalah mengenai latar belakang projek penyelidikan ini. Ia menjelaskan tentang penyataan masalah, matlamat dan objektif kajian dijalankan, skop dan kepentingan kajian ini.

Bahagian Bab 2 adalah mengenai fundamental dan teori yang perlu ada dalam kajian serta maklumat mengenai ketepatan dan kelewatan tren bagi membantu dalam mencapai objektif kajian ini. Tambahan lagi, terdapat juga hasil daripada kajian – kajian terdahulu yang menjadi sumber rujukan dan input bagi menyokong elemen yang dikaji dalam kajian ini. Bahagian Bab 3 pula menerangkan tentang kaedah –

kaedah atau metodologi kajian yang dijalankan bagi mencapai setiap objektif dalam kajian ini. Segala proses kerja dan perancangan kerja yang sistematik dibincangkan di dalam bab ini bagi. Mengenai pemilihan lokasi cerapan data dan cara cerapan data dijalankan diterangkan dalam bab ini.

Bahagian Bab 4 pula membincangkan hasil daripada kerja – kerja yang dilakukan berdasarkan metodologi kajian yang dirancang. Segala maklumat data yang diperolehi dianalisis satu per satu bagi mengetahui keputusan hasil kajian yang dijalankan. Perbincangan dengan lebih lanjut mengenai hasil kajian adalah berdasarkan kepada cerapan data yang diperolehi, seterusnya satu keputusan daripada kajian dapat diketahui. Seterusnya kesimpulan hasil kajian dibincangkan dalam Bab 5. Selain itu, penambahbaikan hasil daripada kajian ini turut dinyatakan untuk meningkatkan lagi mutu perkhidmatan tren dan penyelidikan pada masa akan datang.



## **BAB 2**

### **KAJIAN LITERATUR**

#### **2.1 Pendahuluan**

Bab ini akan membincangkan mengenai terminologi dan definisi masa ketepatan dan kelewatan ketibaan dalam perkhidmatan keretapi. Kajian terhadap ketepatan dan kelewatan masa adalah sangat penting dalam meningkatkan mutu perkhidmatan rel transit. Terdapat juga membincangkan isu-isu yang berkaitan dengan masa ketepatan dari segi kaedah pengiraan dan pengukuran ketepatan masa dalam sistem rel transit dan faktor-faktor yang menyebabkan kelewatan dalam perkhidmatan keretapi. Tambahan lagi, perbincangan mengenai sistem isyarat dan komunikasi dan elemen-elemen yang berkaitan kepentingan sistem isyarat dan komunikasi dalam jaringan rel dengan lebih lanjut. Isyarat keretapi adalah sistem yang digunakan untuk mengawal lalulintas keretapi dengan selamat untuk mengelakkan keretapi daripada berlanggar. Kebanyakan bentuk kawalan keretapi melibatkan kuasa pergerakan yang dibawa dari mereka yang bertanggungjawab untuk setiap bahagian daripada rangkaian keretapi untuk keretapi. Tidak semua kaedah kawalan akan memerlukan penggunaan isyarat, dan terdapat sistem khusus untuk sesuatu landasan keretapi. Bab ini juga membincangkan tentang sejarah perkembangan sistem isyarat, jenis-jenis lampu isyarat dan komunikasi yang digunakan di sepanjang laluan tren di stesen. Jenis-jenis tren yang terdapat di Malaysia juga dibincangkan dalam bab ini.

## 2.2 Terminologi dan definisi ketepatan dan kelewatan tren

Ketepatan ketibaan tren adalah merupakan elemen yang amat dititikberatkan dalam memberikan perkhidmatan kepada penumpang pengangkutan rel transit bagi setiap syarikat pengurusan sistem rel di seluruh dunia. Kelewatan ketibaan tren dalam rangkaian pengangkutan rel transit memberi kesan dalam setiap operasi sistem rel seterusnya mengakibatkan peratusan keboleharapan sistem operasi rel tersebut menurun. Olsson & Haugland (2004) mengatakan dalam industri pengangkutan rel, ketepatan adalah petunjuk utama prestasi yang dipengaruhi oleh beberapa faktor.

Terminalogi dan definisi ketepatan dan kelewatan ketibaan tren adalah berbeza - beza mengikut syarikat pengurusan pengangkutan sistem rel bagi setiap negara dan juga berbeza mengikut jenis sistem rel transit. Terdapat beberapa kajian terdahulu membincangkan definisi ketepatan dan kelewatan ketibaan tren adalah seperti berikut.

*Taiwan Railways Administration* (TRA) adalah salah satu agensi syarikat operasi keretapi dalam Kementerian Pengangkutan dan Komunikasi Taiwan yang bertanggungjawab untuk mengurus, menyelenggara, dan menjalankan perkhidmatan penumpang dan kargo di kilometer 1097km di landasan keretapi konvensional di Taiwan. Menurut peraturan TRA mentakrifkan keretapi yang lewat adalah seperti mana-mana keretapi yang tiba di stesen yang lebih dari 10 minit selepas waktu ketibaan yang dijadualkan (Cheng & Chun, 2014).

Definisi ketepatan masa perkhidmatan keretapi, secara umum, dinyatakan sebagai peratusan keretapi yang berlalu, tiba atau berlepas di lokasi yang ditetapkan dalam rangkaian keretapi yang tidak lewat daripada masa yang tertentu dalam beberapa minit. Menurut syarikat *European Railway* kelewatan yang lebih kecil daripada 5 minit biasanya tidak dianggap sebagai kelewatan kerana ketepatan pengukuran adalah terhad bagi mod yang dikaji dan had yang boleh diterima (*tolerance*) daripada jadual waktu tidak mencukupi iaitu dalam amalan kawalan operasi. Tambahan lagi, tidak terdapat piawaian definisi dan cara pengukuran kelewatan adalah berbeza-beza, kadar ketepatan masa keretapi juga banyak berbeza (Ackermann, 1998; Zhu, 2000).

Memandangkan kelewatan 10 hingga 15 minit tidak dianggap "lewat" dalam kebanyakan negara-negara lain tetapi dianggap sebagai "tepat masa," yang menepati

masa perkhidmatan keretapi di Jepun adalah dalam kelas yang tersendiri. Purata kelewatan untuk keretapi Shinkansen adalah kira-kira 20 saat, manakala untuk keretapi lain yang dikendalikan oleh kumpulan syarikat Keretapi Jepun, purata kelewatan adalah kira-kira 50 saat. Dalam kedua-dua kes, purata kelewatan adalah kurang daripada satu minit (Teikoku, 2005). Oleh demikian menurut kajian (Weigand, 1996) pakar keretapi Eropah telah mengkaji tahap perkhidmatan keretapi Jepun dan mereka merasa sangat kagum dengan tahap ketepatan yang tinggi yang luar biasa dengan purata kelewatan kurang daripada satu minit setiap keretapi.


Bagi mengelakkan perbincangan apabila terdapat keretapi yang menyimpang dari jadual perjalanan (iaitu, keretapi adalah tidak menepati masa), kebanyakan negara telah memutuskan nilai had (*threshold*) untuk keretapi adalah tepat pada masanya. Bagi negara Denmark telah memutuskan bahawa keretapi adalah menepati masa jika mereka tiba mengikut nilai had yang ditetapkan seperti berikut (Landex et al. 2007; Landex 2008):

- *S – trains* 2  $\frac{1}{2}$  minit
- *Regional train* – 5 minit
- *Intercity dan Intercity Express train* – 5 minit
- *Freight train* – 10 minit

Nilai had (*threshold*) untuk ketepatan masa tren adalah berbeza-beza mengikut negara. Bagi Negara Amerika Syarikat, nilai had adalah berbeza diantara 5 minit hingga 3 minit bergantung kepada tempoh perkhidmatan keretapi dan tidak bergantung pada purata jarak perjalanan penumpang (Bush, 2007).

Beberapa negara di Eropah, nilai had juga berbeza-beza, tetapi di mana untuk mengukur ketepatan masa juga berbeza-beza. Di Netherlands pengukuran ketepatan masa adalah pada masa tren berlepas dari 32 stesen dalam sistem rangkaian rel, manakala Jerman dan Norway mengukur ketepatan masa adalah pada masa ketibaan tren di stesen terminal (Daamen et al. 2007; Olsson dan Haugland, 2004). Disebabkan terdapat banyak cara yang berbeza untuk mengukur ketepatan masa hanya beberapa perbandingan antarabangsa kelewatan kereta api dikaji seperti dalam Rajah 2.1 (Nederlanse Spoorwegen 2001; Vromans 2005)





Rajah 2.1: Ketibaan tren lewat kurang daripada 5 minit dari tahun 1999 - 2002. Data daripada (NEA 2003)

### 2.3 Pengukuran ketepatan dan kelewatan masa ketibaan tren

Cara pengukuran masa ketepatan dan kelewatan ketibaan tren adalah berbeza mengikut jenis transit dan mengikut negara, seperti di dalam penghujahan subtopik sebelum ini dan bagi menyokong pernyataan ini pengukuran atau penentuan masa ketepatan dan kelewatan ketibaan tren setiap negara adalah berbeza-beza dan tiada penanda aras piawaian pengukuran. Ketepatan masa diukur adalah sebagai sebahagian daripada pengukuran kualiti perkhidmatan rel transit. Terdapat tiga aplikasi utama untuk maklumat mengenai ketepatan antaranya adalah:

- Menyediakan maklumat
- Kawalan dan membuat - keputusan
- Peningkatan dan perancangan - projek

